

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

SPP202 - Pengantar Perhubungan Antarabangsa

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan.

1. Bincangkan 4 (empat) daripada perkara-perkara yang berikut:

- (a) bentuk-bentuk integrasi ekonomi [25 markah]
- (b) ketiga-tiga peringkat penganalisan bagi menganalisis politik antarabangsa [25 markah]
- (c) nilai-nilai dan norma-norma antarabangsa [25 markah]
- (d) tiga set peraturan utama yang mengendalikan interaksi di kalangan negara-negara [25 markah]
- (e) MAD (Mutual Assured Destruction atau Kehancuran Pasti Bersama) dan SDI (Strategic Defence Initiative atau Inisiatif Pertahanan Strategik) [25 markah]

2. Bincangkan konsep "dasar luar". Dalam berbuat demikian, anda harus menjelaskan (i) matlamat-matlamat dasar luar dan cara bagaimana matlamat-matlamat itu boleh dijeniskan; (ii) orientasi-orientasi dengan membincangkan sekurang-kurangnya TIGA jenis orientasi yang berkemungkinan, TERMASUK pegecualian, neutraliti dan neutralisasi; (iii) strategi-strategi dan tindakan-tindakan dengan menerangkan TIGA jenis strategi yang berkemungkinan, TERMASUK penghindaran nuklear (nuclear deterrence).

[100 markah]

...2/-

3. Jawab KEDUA-DUA soalan yang berikut:

(a) Kategorikan aktor-aktor antarabangsa kepada kategori-kategori tertentu dan berikan ciri-ciri setiap kategori aktor tersebut.

[50 markah]

(b) Bincangkan faktor-faktor yang boleh mendorong kerjasama militer dan, selepas itu, faktor-faktor yang boleh menjejaskan sesuatu usaha kerjasama militer. Anda mesti rujuk kepada contoh-contoh sebenar.

[50 markah]

4. Jelaskan maknanya "konflik" dan "krisis" dan bincangkan cara-cara aman bagi menyelesaikan sesuatu konflik atau krisis. Selapas itu, jelaskan cara keras. Dalam berbuat demikian, terangkan "perang" dan bincangkan konsep "perang total" dan "perang terhad".

[100 markah]

5. Terangkan konsep "perlumbaan senjata", "perlucutan senjata", dan "kawalan sahaja". Kemudian, bincangkan tentang penyedaran nukliar secara mendatar dan menegak. Pada pendapat anda, sejauh manakah kedua-dua proses penyedaran boleh dikawal? Berikan alasan-alasan untuk menyokong pendapat anda.

[100 markah]